



08 MAY, 2026

## ASEAN 'dihimpit' kenaikan ketara kos bahan api, tenaga

Berita Harian, Malaysia



# ASEAN 'dihimpit' kenaikan ketara kos bahan api, tenaga

Konflik Asia Barat beri kesan segera, mendalam terhadap negara anggota import 66 peratus minyak mentah

Oleh Mas Zharif Zhafri Aziz Desa  
bhnews@bh.com.my

**Cebu:** Konflik berterusan di Asia Barat kini memberi tekanan langsung kepada keselamatan tenaga dan kestabilan ekonomi ASEAN.

Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN, Ma Theresa Lazaro, berkata ASEAN yang mengimport kira-kira 66 peratus minyak mentah kini berdepan peningkatan ketara kos bahan api dan tenaga susulan krisis berkenaan.

Menurutnya, keadaan itu turut menyebabkan kenaikan harga input pertanian, makanan dan barangan asas selain menjejaskan sektor pengangkutan serta pelancongan.

"Perkembangan di luar rantau boleh memberi kesan segera dan mendalam kepada ASEAN,"



Lazaro mempengerusikan Mesyuarat Menteri Luar ASEAN Ke-59, di Cebu, semalam.

(Foto BERNAMA)

katanya ketika berucap pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN, di sini semalam.

Mesyuarat itu turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, yang mewakili Malaysia.

### Darurat tenaga nasional

Susulan krisis itu, beliau yang juga Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina berkata, negaranya ter-

paksa mengisytiharkan darurat tenaga nasional pada 24 Mac lalu.

Kekangan itu turut memaksa beberapa mesyuarat ASEAN tahun ini diadakan secara maya serta mengurangkan skala sidang fizikal.

Lazaro berkata, ASEAN turut mengadakan dua mesyuarat khas menteri luar bagi menyelaras tindak balas kolektif terhadap kesan konflik Asia Barat.

Tambah beliau, pengalaman itu menunjukkan ASEAN perlu memperkukuh koordinasi krisis dan kesiapsiagaan institusi bagi menghadapi cabaran geopolitik global.

Pada masa sama, beliau berkata ASEAN tetap komited meneruskan agenda pembinaan masyarakat serantau termasuk proses integrasi Timor-Leste serta usaha menangani krisis Myanmar melalui Konsensus Lima Perkara.